

**SEWAH DAUN**  
Little Bronze Cuckoo

FAMILI: Cuculidae  
NAMA SAINTIFIK: *Chrysococcyz minutillus*

#### **CIRI-CIRI**

Individu dewasa *C.m.peninsularis* hampir sama seperti Sewah Rembah, *C.xanthorhynchus*, tetapi paruhnya berwarna hitam, dahi pudar, tompok kehitaman pada bulu pahat telinga, bahagian atas badan yang lebih seragam dengan atas kepala hijau berkilat dan bahu hijau gangsa dan sedikit kemerahan pada bulu ekor. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 16 sm.

#### **MAKANAN**

Dietnya terdiri daripada mamalia kecil dan vertebrata lain, serangga, siput, buah-buahan dan biji-bijian.

#### **HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan paya bakau, belukar sepanjang persisiran, hutan sekunder, pinggir hutan dan taman sehingga ke ketinggian 250 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Individu jantan mengeluarkan bunyi *rhew rhew rhew rhew...* atau *eug eug eug eug* yang mengandungi siri 3-5 nota bagi tujuan penandaan kawasan. Kadangkala, ia mengeluarkan bunyi *wireeg-reeg-reeg* yang semakin tinggi.

#### **PEMBIAKAN**

Spesies ini biasanya meletakkan telur pada sarang burung lain seperti Cekup Perepat, *Gerygone sulphurea*. Warna pada bahagian hujung telur yang tirus adalah lebih gelap.